

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	BAU BUSUK HANTUI PENDUDUK
	SUMBER	HARIAN METRO (12 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (LOKAL)

BAU BUSUK HANTUI PENDUDUK

Orang ramai bantah projek penternakan babi secara berpusat di Bukit Tagar

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman@harianmetro.com.my

Hulu Selangor

Penduduk kampung berhampiran Bukit Tagar dan kawasan sekitar membantah projek penternakan babi secara berpusat yang dicadangkan kerajaan negeri.

Mereka meluahkan rasa bimbang terhadap isu kebersihan pengurusan sisa haiwan terbabit, selain ancaman bau busuk yang berisiko menjejaskan kualiti kehidupan serta dilihat kurang sensitif kepada penduduk beragama Islam di situ.

Penduduk Kampung Rantau Panjang, Ipi Karna luddin, 40, berkata, penduduk sudah lama terdedah dengan kesan bau busuk akibat aktiviti berkalutan babi di kawasan Bukit Tagar.

Menurutnya, buat masa ini, terdapat sebuah pusat penyembelihan babi beroperasi lebih 10 tahun dekat Kampung Air Hitam yang menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan penduduk.

"Banyak lori to tan hawa babi hidup memang lalu setiap hari, terutama selepas tengah malam. Kami yang keluar bekerja waktu malam memang boleh hidu bau itu sepanjang jalan.

"Ada juga isu air Sungai Selangor tercemar berulung setiap tahun. Bila air bertukar teruk, pihak Air Selangor kerap periksa pusat sembelihan itu kerana air dari sungai ini digunakan untuk bekalan air bersih penduduk," katanya ketika ditemui semalam.

Pemandu lori logistik itu berkata, walaupun pihak pusat penyembelihan itu mendakwa mempunyai sistem rawatan sisa, penduduk tetap bimbang masih ada air kumbahan yang dilepaskan ke sungai.

"Kalau sembelih itu sudah lebih 10 tahun beroperasi dan sekarang pula dengar nak buat projek penternakan berpusat di kawasan ini. Kawasan sini majoritinya Melayu, jadi sensitiviti penduduk Islam sepatutnya diambil kira.

"Kami harap kerajaan negeri dengar suara rakyat, jangan hanya tengok dari sudut ekonomi, tapi fikir juga kesan kepada penduduk dan alam sekitar," katanya.

Seorang lagi penduduk, Norma Surip, 45, dari Kampung Sepakat, berkata, cadangan projek itu menimbulkan rasa tidak selesa memandangkan pergerakan logistik haiwan berkenaan pasti menyebabkan bau busuk.

Menurut peniaga buah itu, Jalan Sungai Tinggi menghalau Bestari Jaya, di sini, yang menjadi laluan lori membawa babi ke pusat penyembelihan sedia ada sudah cukup memberi kesan kepada penduduk.

"Sekarang pun lori babi hari-hari lalu ikut jalan sini, bau memang busuk.

"Kalau ada pusat ternakan pula, kami risau bau akan jadi lebih teruk dan air sisa mencesap ke sungai.

"Kawasan ini tak jauh sangat dari kampung, jadi memang tak selesa. Kalau nak buat, biarlah jauh dari kawasan orang tinggal," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan kerajaan Selangor memutuskan untuk melaksanakan penternakan babi secara berpusat dan moden di Bukit Tagar, Hulu Selangor sebagai langkah strategik jangka panjang penstrukturan semula industri itu bermula 2030.

penduduk berkeenaan. Penduduk mendakwa kawasan yang terbalut dengan operasi ladang ternakan babi termasuk Kampung Batu Laut, Kampung Batu Untung, Kampung Tanjung Layang dan Kampung Turbok.

Sebelum ini, media melaporkan Kerajaan Selangor akan melaksanakan sistem penternakan babi secara berpusat dan moden di Bukit Tagar bermula 2030 bagi memastikan industri berkenaan lebih bersih, terasus serta tidak menjejaskan alam sekitar dan keharmonian masyarakat setempat.

Sokong pindah operasi penternakan

Kuala Langat: Penduduk di sekitar Batu Laut di sini, menyokong perancangan Kerajaan Selangor untuk memindahkan operasi penternakan babi ke Bukit Tagar, Hulu Selangor bermula 2030 dan berharap pelaksanaannya dapat di-segerakan.

Peniaga kedai makan, Mazin Ibrahim, 46, berkata, cadangan itu difikirkan sebagai penamat kepada penderitaan penduduk yang sekian lama terkesan dengan operasi ladang ternakan berkeenaan.

Menurutnya, bau najis haiwan itu menjejaskan perniagaan kedai makan

yang disebabkan apabila pelanggan berasa tidak selesa dengan bau busuk berterusan.

"Sebagai penduduk asal, saya sangat bersetuju dengan cadangan berkenaan kerana sejak kecil lagi kami sudah berdepan masalah sama.

"Sudah tiga masanya ladang ini dipindahkan demi kesesuaian penduduk dan generasi akan datang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan di sekitar Kampung Batu Untung mendapati beberapa ladang ternakan dibina berhampiran jalan utama kam-

pong berkeenaan.

Penduduk mendakwa kawasan yang terbalut dengan operasi ladang ternakan babi termasuk Kampung Batu Laut, Kampung Batu Untung, Kampung Tanjung Layang dan Kampung Turbok.

Sebelum ini, media melaporkan Kerajaan Selangor akan melaksanakan sistem penternakan babi secara berpusat dan moden di Bukit Tagar bermula 2030 bagi memastikan industri berkenaan lebih bersih, terasus serta tidak menjejaskan alam sekitar dan keharmonian masyarakat setempat.

2.	TAJUK	PANTAI TELUK KALONG DICEMARI SISA ARANG BATU
	SUMBER	BH (13 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

Pantai Teluk Kalong dicemari sisa arang batu

Sisa arang batu terdampar di sepanjang Pantai Teluk Kalong, Kemaman. (Foto BERNAMA)

Tongkang bawa bahan hanyut sebelum terlanggar batu berhampiran kawasan pantai

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

Kemaman: Pantai Teluk Kalong, yang menjadi tumpuan pengunjung, tercemar selepas dipenuhi sisa arang batu dipercayai di-hanyutkan ombak daripada sebuah tongkang yang mengalami kemalangan berhampiran kawasan itu.

Kejadian itu dikatakan berlaku selepas tongkang yang membawa muatan arang batu hanyut sebelum terlanggar batu berhampiran pantai berkenaan, menyebabkan bahan terbabit tersebar dan mencemari sepanjang pantai.

Peniaga berhampiran pantai, Ahmad Firdaus Che Yahaya, 43, berkata beliau menyedari kewujudan sebuah tongkang dalam keadaan senget berhampiran batu di kawasan itu pada Khamis lalu.

Katanya, ketika itu terdapat tumpukan hitam di permukaan air laut dalam jarak beberapa me-



Keadaan Pantai Teluk Kalong yang dicemari arang batu.

(Foto Rosli Ilham/BH)

ter dari darat, namun beliau tidak menyangka ia adalah arang batu.

"Beberapa pengunjung yang datang ke gerai saya memaklumkan badan mereka berasa gatal selepas mandi di pantai ini dan pada mulanya saya anggap ia perkara biasa.

"Namun, dua hari kemudian, tumpukan hitam itu semakin banyak dan memenuhi kawasan pantai sebelum saya menyedari ia sebenarnya arang batu," katanya.

Arahkan siasatan

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris, berkata pihaknya telah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Laut Malaysia menjalankan siasatan serta mengambil tindakan segera bagi membersihkan pantai terbabit.

Beliau berkata, langkah pem- bersihan perlu disejajarkan beri-

kutan Pantai Teluk Kalong adalah lokasi tumpuan pengunjung, khususnya pada musim cuti.

"Saya mendapati bukan hanya Pantai Teluk Kalong terjejas, malah dua lagi pantai berhampiran iaitu Pantai Telaga Simpul dan Pantai Senanjang turut dicemari sisa arang batu, katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengarah JAS Terengganu, Hamzah Mohamad, meminta orang ramai agar tidak bimbang kera-


na arang batu terbabit bukan bahan buangan berjadual dan tidak memberi kesan serius terhadap alam sekitar.

Katanya, pihak JAS telah mengadakan perbincangan dengan wakil pemilik tongkang berkenaan, termasuk berkaitan kerjasama pembersihan pantai.

"Pemantauan turut dijalankan terhadap sisa arang batu yang terdapat di dasar laut di kawasan terjejas," katanya.

3.	TAJUK	PANTAI TELUK KALONG BERTUKAR WARNA HITAM : TONGKANG HANYUT 'MUNTAH' ARANG
	SUMBER	HM (13 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (LOKAL)

lokal



KAWASAN Pantai Telok Kalong dicemari arang batu melibatkan jarak sejauh 500 meter.

PANTAI TELUK KALONG BERTUKAR WARNA HITAM

Tongkang hanyut 'muntah' arang

Chukai

Pantai Telok Kalong dekat sini dicemari arang batu sejak dua hari lepas dipercayai berpunca akibat tumpahan muatan tongkang yang hanyut di kawasan berkenaan.

Seorang pengunjung Ahmad Amadi Ali, 29, dari Paka, Dungun berkata, beliau terkejut apabila me-

lihat pepejal berwarna hitam di sepanjang pantai peranginan popular itu melibatkan jarak sejauh 300 meter.

"Keadaan menyebabkan saya membatalkan hasrat untuk mandi kerana bimbang air laut di kawasan ini tercemar dan boleh menjejaskan kesihatan kulit," katanya.

Seorang peniaga di Pan-

tai Telok Kalong, Ahmad Firdaus Che Yahaya, 41, berkata, dia menyedari tongkang membawa muatan arang batu itu hanyut tidak jauh dari pantai pada Khamis lepas.

Beliau berkata, tongkang terdampar di pantai itu sejak dua hari lepas dan terdapat tempokan berwarna hitam di dasar laut beberapa meter dari pesisir

pantai.

"Selepas itu, kawasan pantai mula dipenuhi arang batu apabila bahan pepejal berkenaan dihanyutkan ombak ketika air laut pasang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu Datuk Razali Idris berkata, pihaknya

mengarahkan Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) membersihkan pantai yang dicemari arang batu tersebut.

Menurut beliau, tindakan pantas perlu diambil bagi memastikan pantai berkenaan yang merupakan antara lokasi tumpuan pelancong di daerah ini kembali bersih.

Razali berkata, dua lagi

kawasan pantai berhampiran, iaitu Pantai Telaga Simpul dan Pantai Senayang turut dilaporkan dicemari dengan arang batu.

Sementara itu, Pengarah JAS Terengganu Hamzah Mohamad berkata, arang batu di pantai berkenaan bukan bahan buangan terajual dan tidak menjejaskan alam sekitar.

4.	TAJUK	SELANGOR PERCEPAT KAJIAN EIA LADANG BABI DI BUKIT TAGAR
	SUMBER	BH (14 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Selangor percepat kajian EIA ladang babi di Bukit Tagar

Kerajaan negeri sedia adakan rundingan dengan pihak di sekitar lokasi

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan negeri akan menyegerakan proses kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) terhadap projek penternakan babi yang baharu di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pembinaan ladang ternakan baharu juga memerlukan kajian EIA dan yang berkaitan kerana mungkin wujud perumahan dan penempatan, selain kesan kepada kawasan sungai dan kawasan sekitarnya.

"Tuanku (Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah) bertitah agar disegerakan. In-sya-Allah, kita akan melaksanakan secepat mungkin dan memastikan perbincangan dengan pihak terbabit dilaksanakan segera.

"Kita akan tengok proses yang dibuat daripada EIA dan sebagainya. Kita mungkin perlukan masa tetapi pada masa terdekat ini kita cuba memperkemarkan dengan cepat.

"Kita akan adakan rundingan dengan pihak terbabit di kawasan persekitaran Bukit Tagar) tetapi pendengaran awam tidak semes-



Amirudin (dua dari kanan) pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat NADI Selangor dan Wilayah Persekutuan di Shah Alam, semalam yang turut dihadiri Fahmi dan Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Tan Sri Zulkifli Mohd Zin (kiri). (Foto BERNAMA)

tinya dilakukan, kita ikut peraturan dan keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Selangor dan Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Beliau berkata demikian mengulas rancangan pembangunan kawasan penternakan baharu babi di Bukit Tagar.

Sebelum ini, media melapor-

kan, Sultan Selangor murka dengan perancangan kerajaan negeri yang membenarkan operasi penternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat bermula tahun ini, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Sultan tak bersetuju

Menerusi titah kenyataan, baginda tidak bersetuju khususnya apabila ada kemungkinan ia membabitkan penternakan babi berskala besar dan berorientasikan eksport.

Amirudin berkata, setakat ini

69 pengusaha ladang babi yang aktif dikenal pasti dan selebihnya beroperasi tanpa lesen di negeri itu.

"Kita perlu terangkan kepada pengusaha selagi kawasan itu tidak ditutup, selagi itu pencemaran yang terhasil daripada konsep penternakan tradisional berlanjutan.

"Langkah awal kita adalah menutup pengurusan tradisional yang menyebabkan pencemaran bau dan air ke arah penternakan moden diusahakan pihak swasta di Bukit Tagar," katanya.

5.	TAJUK	SUNGAI BAU BUSUKLEBIH 5 TAHUN
	SUMBER	BH (14 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	24 (NASIONAL)

Sungai bau busuk lebih 5 tahun

Belum ada tindakan terhadap kilang buang sisa

Oleh Paya Linda Yahya
lhnews@bh.com.my

Gua Musang: Masalah pencemaran sungai berhampiran kawasan perindustrian, dekat sini menyebabkan air kehitaman dan bau busuk sehingga ikan mati, didakwa berlarutan sejak lebih lima tahun lalu.

Penduduk mendakwa pencemaran berpunca daripada tindakan kilang yang membuang sisa ke sungai sehingga mencemarkan Sungai Ketil.

Mereka mendakwa walaupun laporan dan operasi penguatkuasaan sudah dibuat terhadap kilang terbabit, pihak berwajib masih gagal mengesan salah laku sehingga tidak dapat mengambil tindakan undang-undang.

Tinjauan di anak sungai itu juga mendapati air bertukar kehi-



Syabbuddin (kanan) meninjau anak sungai yang tercemar berhampiran kawasan perindustrian di Gua Musang, semalam. (Foto Paya Linda Yahya/BH)

taman dan berkeladak dengan sisa buangan dan berbau busuk.

Sungai Ketil jadi sumber air tercemar

Penduduk, Hassan Mustafa, 49, berkata pencemaran di anak sungai itu memberi kesan kepada Sungai Ketil yang menjadi sumber air terawat untuk kegunaan penduduk di daerah ini.

Beliau berkata, masalah pencemaran sudah berlarutan lebih lima tahun lalu sehingga menyebabkan ikan mati di Sungai Ketil tahun lalu.

"Pencemaran sungai ini amat serius kerana air dari anak sungai ini akan mengalir ke Sungai Ketil yang turut menjadi sumber air terawat untuk kegunaan penduduk di Gua Musang.

"Saya difahamkan pihak berwajib sudah melakukan beberapa operasi terhadap kilang terbabit, tetapi sehingga kini gagal mengenal pasti salah laku walaupun pencemaran berlaku di depan mata.

"Sisa buangan kilang yang dilepaskan ke sungai menyebabkan air busuk, hitam dan berkeladak.

"Sisa buangan ini kerap dilepas-

kan waktu cuti hujung minggu dan cuaca hujan," katanya ketika ditemui di Kawasan Perindustrian, di sini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Datuk Mohd Syabbuddin Hashim, berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) sudah turun padang meninjau kawasan anak sungai berhampiran kawasan perindustrian terbabit selepas menerima aduan terbaharu daripada penduduk.

Beliau berkata, pencemaran itu dikesan berlaku berterusan terutama pada hujung minggu atau cuti umum sejak 2021.

"Jika kita melihat keadaan sungai ini yang hitam seolah-olah terdapat pelanggaran peraturan.

"Tindakan tegas perlu diambil dan saya rasa pihak berwajib harus melakukan langkah lebih drastik serta tersusun.

"Saya dimaklumkan, kebiasaannya jika kita buat penguatkuasaan seolah-olah operasi diketahui lebih awal.

"Ketua Jajahan Gua Musang juga sudah dimaklumkan dan tindakan sewajarnya akan diambil," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**